

Mahathir pendakwah berani

JM 1 JAN 1995
JIKA dikaji kepemimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad selama sebelas tahun lima bulan menjadi Perdana Menteri kita setakat ini, banyak sekali perjuangan beliau yang menampakkan ciri-ciri seorang pendakwah Islam yang berani dan masyhur di dunia.

Baik dalam bentuk ucapan mahupun tindakan, beliau banyak berusaha mengajak manusia ke arah menegakkan keadilan, menentang kezaliman, penganiayaan dan membela nasib orang-orang yang teraniaya dan dalam kesusahan. Pendek kata, beliau dengan tegas melaksanakan perintah atau amanat Allah dan RasulNya.

Contohnya beliau dengan berani menyuarkan hak asasi manusia, menentang diskriminasi yang dilakukan oleh kuasa-kuasa besar dunia terhadap negara-negara sedang membangun dan miskin, menentang kezaliman dan penganiayaan yang dilakukan ke atas rakyat di luar negara (termasuk Bosnia dan Palestin), membela nasib rakyat dan memperbaiki kesejahteraan dalam negara sendiri. Semuanya selaras dengan ajaran Islam.

Apayangmenariknya, beliau bukan

sekadar cakap-cakap kosong dengan suara yang lantang di peringkat antarabangsa, bahkan dibuktikan sendiri bahawa beliau sendiri mengamal atau mempraktikkan dalam negara sendiri melalui kepemimpinannya. Inilah yang membuat kita dan dunia menghormati beliau.

Beliau melakukan dengan ikhlas demi kesejahteraan semua orang.

Yang paling mengkagumkan sekali ialah pembelaan beliau di seluruh dunia terhadap orang yang teraniaya tanpa mengira kaum dan agama. Biarpun orang itu bukan Islam. (Contohnya pemimpin kulit hitam (ANC) Afrika Selatan - Nelson Mandela). Ini semua kerana Islam mengajar kita menegakkan keadilan sama rata, lalu beliauapun berani mempraktikkannya dengan tegas. Terbukti toleransi Dr. Mahathir dalam Islam menaikkan imej Islam di seluruh dunia.

Tindakan beliau yang sungguh berani itu bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran)

kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." (Surah Al-Maaidah ayat: 8).

"Wajiblah ada di antara kamu suatu umat (golongan) yang menyeru (manusia) kepada melakukan kebaikan, menyuruh berbuat yang baik dan melarang berbuat jahat. Mereka itulah orang yang berjaya (bahagia)." (Surah Ali-Imran ayat: 104).

Sikap berani Dr. Mahathir juga telah mempengaruhi dan mendorong rakyat mencontohi sikap beliau untuk menjadi manusia yang berani menentang kemungkaran, penganiayaan dan kezaliman. Oleh itu remaja, jika suatu hari para remaja menjadi pemimpin, contohilah sikap mereka yang begini.

Dalam usaha Dr. Mahathir membela orang yang teraniaya atau dizalimi beliau turut membantu memperbaiki lagi keadaan agar perbuatan seumpama itu tidak berulang lagi.